AKHBAR : BORNEO POST

HARI : AHAD

TARIKH : 13 JANUARI 2013

Rawatan tradisional Cina mampu sembuhkan pesakit kanser

Kajian di China menunjukkan 50 peratus daripada 800 pesakit sembuh selepas dirawat dengan perubatan ini, kata Wong

KUCHING: Presiden Malaysian Anti Cancer Society (MACA) Profesor C.C Wong memberitahu, kaedah rawatan tradisional Cina mampu menyembuhkan pesakit kanser.

Menurut beliau, beberapa kajian telah dijalankan di tanah besar China yang menunjukkan 50 peratus daripada 800 pesakitnya sembuh selepas dirawat dengan perubatan tradisional Cina.

"Kami di MACA sejak penubuhannya Mei lalu, berjaya menyembuhkan pesakit-pesakit kanser payudara dan kolon yang ramai dihidapi pesakit di negara ini," katanya ketika mempengerusikan sidang media mengumumkan sambutan Ulang Tahun Ke-15 The Sarawak Chung Hua Institute of Chinese Medicine di sini semalam.

Beliau mempercayai 75 peratus rakyat Sarawak mempercayai kaedah rawatan tersebut selepas ini.

Pihaknya turut mengakui kaedah rawatan tradisional itu perlu mendapat gabungan perubatan barat yang moden dan pati semula jadi adalah kaedah menggunakan sayuran, buah-buahan dan detoksifikasi sebagai proses penyembuhan.

"Sebanyak lima peratus sel di dalam badan seseorang manusia mempunyai peluang mendapat kanser, bagaimanapun ia bergantung kepada kekuatan tubuh seseorang bagi melawannya," kata Wong.

Menurut Wong, kebanyakan perubatan menggunakan herba tidak memerlukan perbelanjaan yang banyak dan pihak MACA yang telah didaftarkan dengan ROS juga membantu memberikan perubatan percuma kepada mereka yang kurang berkemampuan.

Pada masa yang sama, The Sarawak Chung Hua Institute of Chinese Medicine akan menyambut Ulang Tahun Ke-15 dengan menganjurkan ceramah berkaitan kanser dan Majlis Makan Malam Tahunan pada 6 Februari di Mandarin Restaurant di Jalan Song Thian Chok.

Tajuk ceramah kanser '21st Century Revolutionary Non-Invasive Cancer Therapy' akan dibentangkan oleh Dr Lim Eng Huat yang juga pakar antikanser negara.

Ceramah dalam bahasa Inggeris akan diadakan pada jam 4 hingga 5 petang dan bahasa Cina pada 5 hingga 6 petang dan terbuka kepada orang ramai secara percuma.

Manakala majlis makan malam tahunan akan dimulakan pada jam 6.30 petang pada harga RM300 semeja dan tempahan boleh dilakukan dengan menelefon Wong di talian 082-253326 atau 0168981368/0128800790.

Orang ramai juga boleh melayari laman sawang MACA di www.cancermalaysia.org untuk keterangan lanjut.

AKHBAR : BORNEO POST

HARI : SELASA

TARIKH : 5 FEBRUARI 2013

Kanser sumbang 11.2 peratus kematian pada 2011

KOTA KINABALU: Kanser adalah penyebab kematian keempat terbesar yang berlaku di hospital-hospital Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di seluruh negara dan pada tahun 2011 ia menyumbang sebanyak 11.2 peratus dari keseluruhan kematian yang berlaku.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin berkata berdasarkan jumlah kes kanser baru pada tahun 2008 yang dilaporkan kepada Registri Kanser Kebangsaan, terdapat lima jenis kanser paling cenderung terjadi dalam kalangan lelaki di negara ini.

"Antaranya adalah kanser paru-paru (15.8%), kolorektal (15.8%), nasofarink (9.4%), limfoma (7.2%) dan prostat (6.2%).

"Sementara itu dalam kalangan wanita pula, penyakit terlibat ialah kanser payudara (32.3%) diikuti dengan kanser kolorektal (10.4%), servik (8.5%), paru-paru (5.7%) dan ovari (5.4%)," katanya pada majlis sempena Hari Kanser Sedunia baru-baru ini.

Rosnah berkata, walaupun jumlah pesakit kanser di negara ini lebih rendah berbanding penyakit-penyakit kronik yang lain seperti diabetes dan kardiovaskular, namun beban kewangan serta psikososial yang ditanggung oleh pesakit, keluarga dan masyarakat adalah jauh lebih besar.

Menurutnya, kebanyakan kejadian dan kematian akibat kanser sebenarnya boleh dielakkan dengan pengurangan faktor risiko, pengesanan awal dan rawatan segera.

"Kanser merupakan salah satu penyakit kronik yang amat ditakuti oleh orang ramai. Mengikut statistik dari Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), kanser menyumbang sebanyak 13 peratus (7.4 juta) dari keseluruhan kematian di dunia pada tahun 2008.

"Kematian akibat kanser dijangka akan terus meningkat di mana anggaran 12 juta orang akan mati akibat kanser pada tahun 2030," katanya.

Katanya, kadar kejadian penyakit kanser meningkat dengan pertambahan usia, seperti negara-negara maju atau membangun yang lain.

Rosnah yang juga Ketua Puteri Umno berkata, Malaysia menghampiri peralihan epidemiologi, yang mana penyakit-penyakit kronik yang berkaitan dengan gaya hidup seperti kardiovaskular dan kanser telah meningkat.

"Kanser boleh berlaku kepada setiap individu tanpa mengira usia dan jantina, sama ada miskin atau kaya serta memberi beban kewangan dan psikososial yang besar kepada pesakit, keluarga dan masyarakat.

"Lebih daripada 30 peratus kanser boleh dicegah dengan mengubah atau mengelakkan faktor-faktor risiko yang boleh menyebabkan kanser.

"Faktor risiko utama terhadap kejadian kanser adalah dikaitkan dengan gaya hidup iaitu amalan merokok, tidak aktif secara fizikal, mempunyai berat badan berlebihan atau obes, kurang pengambilan buah-buahan, sayur-sayuran dan amalan pengambilan alkohol," katanya.

Selain itu katanya, dari faktor risiko yang dikaitkan dengan gaya hidup, jangkitan oleh beberapa jenis virus seperti Human Papiloma Virus (HPV) dan virus Hepatitis B juga boleh menyebabkan kanser.

Beliau berkata, jangkitan HPV adalah faktor risiko utama kanser servik dan jangkitan virus Hepatitis B (HBV) adalah antara faktor yang menyebabkan kanser hati.

"Kementerian Kesihatan menyeru agar semua pihak yang terlibat dalam mengawal kanser sama ada agensi kerajaan, swasta, NGO dan orang ramai sama-sama memainkan peranan dalam mengurangkan beban kanser di negara ini dengan meningkatkan pengetahuan mengenai kanser, mencegah serta mengawal kejadian serta kematian akibat kanser," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

HARI : AHAD

TARIKH : 24 FEBRUARI 2013

Brakiterapi satu lagi rawatan kanser

Oleh KHAIRUNNISA SULAIMAN
nisa.sulaiman@utusan.com.my



Dr. Muhammad Azrif menunjukkan peralatan yang digunakan bagi rawatan brakiterapi.

Penang Resorts
Special Rates. Save Up To 75%. Read Reviews & Book Now!

SEBELUM ini rawatan kanser hanya dikaitkan dengan kemoterapi dan radioterapi - kaedah biasa rawatan.

Kini terdapat satu lagi rawatan yang menjurus kepada kawasan spesifik diserang sel kanser yang dapat mengurangkan kesan sampingan .

Pakar Runding Onkologi Klinikal, Pusat Perubatan Prince Court, Dr. Muhammad Azrif Ahmad Annuar berkata, kini pesakit kanser mempunyai pilihan rawatan.

"Brakiterapi yang juga dikenali sebagai benih radioaktif adalah satu lagi rawatan radiasi yang digunakan dalam rawatan kanser," katanya semasa ditemui di pejabatnya di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Menurutnya, brakiterapi adalah satu rawatan yang paling berjaya bagi pelbagai jenis kanser termasuk prostat, pangkal rahim, payudara, kulit, kepala dan leher,endometrium dan tisu lembut sarkoma.

"Rawatan ini dengan harga berpatutan dan kompetitif, adalah teknik yang menggunakan radiasi secara minimum pada kawasan terhad.

"Brakiterapi meninggalkan kesan sampingan yang rendah dan boleh dilakukan setiap hari ke atas pesakit luar atau berasaskan penjagaan harian," katanya.

Beliau berkata, menggunakan brakiterapi membolehkan radiasi sampai terus kepada tumor atau ke dalam rongga badan daripada satu implan yang datang dalam pelbagai saiz dan bentuk sama ada kekal atau sementara.

"Implan kekal, tinggal dalam badan malah selepas rawatan tamat kerana implan memberikan radiasi dalam dos rendah secara perlahan-lahan dalam satu tempoh masa sehingga tiada lagi radiasi.

"Pesakit tidak perlu bimbang kerana kesan radiasi hanya menjejaskan kawasan kecil di sekitar implan dan biasanya tidak menjejaskan orang lain," katanya.

Rawatan ini jelasnya mungkin perlu diulang beberapa hari sehingga seminggu atau kadangkala lebih lama mengikut jenis kanser yang dihidapi.

Antara faedah rawatan, meningkatkan kesihatan tisu dan boleh mengurangkan tempoh rawatan bagi sesetengah jenis kanser.

Pusat Perubatan Prince Court telah memulakan program brakiterapi bagi beberapa jenis kanser seperti pangkal rahim dan endometrium terlebih dahulu.

"Pihak kami akan meluaskan brakiterapi bagi kanser jenis lain seperti kepala, leher dan payudara pada masa depan," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

HARI : JUMAAT

TARIKH : 15 MARCH 2013

Rawat kanser cara Islam

Oleh JUANI MUNIR ABU BAKAR

DAN kami turunkan daripada al-Quran suatu yang menjadi penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman. **(al-Israa: 82)**

Al-Quran merupakan kalam Allah SWT yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW melalui perantaraan malaikat Jibrail secara berperingkat selama 23 tahun. Sebagai umat Islam, kita wajib mempercayai kebenaran kitab suci tersebut dan beriman segala isi kandungannya.

Tidak dinafikan al-Quran mempunyai pelbagai syariat yang mengajak manusia melakukan kebaikan dan menjauhi larangan seperti mana difirman oleh Allah dalam panduan utama umat Islam.

Bukan hanya tuntutan syariat, kitab suci al-Quran turut mengandungi mukjizat dan keistimewaan termasuklah daripada segi *syifa* (perubatan). Cuma kita tidak mengetahui sebab masyarakat kini melihat al-Quran sekadar berfungsi untuk bacaan solat, tadarus bulan Ramadan, majlis khatam al-Quran sedangkan ia mengandungi pelbagai manfaat.

Namun, atas kesedaran orang ramai, masyarakat umat Islam negara ini telah yakin dengan kemampuan ayat-ayat suci al-Quran untuk menjadi penawar termasuk dalaman dan luaran di samping mendapatkan rawatan moden.

Kanser merupakan antara penyakit utama rakyat negara ini. Penyakit itu boleh menyerang sesiapa sahaja dengan pelbagai cara. Bahkan kanser bukan seperti demam yang boleh diubati dalam tempoh singkat tetapi memerlukan penjagaan dan rawatan rapi.

Sehubungan itu, bagi merungkai rahsia al-Quran termasuk penyembuhan pelbagai penyakit, Must Read Sdn. Bhd. menerbitkan sebuah buku bertajuk *Perubatan Al-Quran Rawatan Kanser* yang ditulis oleh tokoh perubatan Islam terkenal, Lokman Abdul Hamid.

Lokman yang berpengalaman 12 tahun merawat pelbagai penyakit termasuk kanser, menggunakan perubatan Islam sebagai penyembuhan penyakit tetapi dengan izin Allah.

Buku setebal 258 muka surat itu mengupas definisi kanser, apakah faktor yang menyebabkan kanser dan rawatan moden yang digunakan untuk merawat kanser. Menariknya dalam buku itu, Lokman menyelitkan ayat-ayat suci al-Quran antaranya seperti surah al-Anbiya, al-Nahl, al-Zumar dan lain-lain lagi.

Selain bacaan ayat-ayat al-Quran, berdoa, tahajud, solat taubat, solat hajat dan zikir merupakan antara penawar yang disentuh oleh Lokman dalam buku tersebut.

Buku ini juga dilihat mengajak penghidap kanser selain mendapatkan perubatan moden, ikhtiar dengan memohon kepada Allah SWT untuk menyembuhkan penyakit berkenaan merupakan usaha paling tepat sekali.

Orang ramai perlu mendapatkan buku ini di pasaran berhampiran apa lagi kaedah penyampaiannya dilakukan melalui ilustrasi gambar.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

HARI : ISNIN

TARIKH : 1 APRIL 2013

Aspirin kurangkan risiko kanser



BELFAST 31 Mac - Satu kajian saintis dari Universiti Queen's, di sini mendapati, pengambilan aspirin seminggu atau sebulan sekali mampu mengurangkan risiko menghidap penyakit kanser.

Menurut akhbar *Daily Express* yang memetik laporan kajian itu, risiko menghidap penyakit kanser leher dan kepala boleh dikurangkan sebanyak 22 peratus menerusi pengambilan dos biasa aspirin seminggu atau sebulan sekali.

Menurut laporan itu, golongan berusia antara 55 dan 74 tahun, merupakan kelompok paling cerah untuk menghindari penyakit terbabit dengan pengambilan aspirin secara teratur.

Pengambilan aspirin bagi golongan pertengahan usia pula disahkan boleh membantu mengurangkan risiko penyakit jantung dan strok.

Akhbar itu melaporkan, kajian berkenaan dijalankan bagi menguji kesan pengambilan aspirin dan ibuprofen terhadap risiko kanser kepala dan leher.

Hasil kajian yang disiarkan dalam jurnal perubatan, *British Journal of Cancer* mendapati, pengambilan dua jenis ubat berkenaan merupakan cara paling berkesan mengelak pertumbuhan kanser.

Saintis turut menyimpulkan bahawa aspirin mampu berfungsi sebagai agen *chemopreventive*, sejenis dadah untuk menghalang penyakit, dan kajian secara berterusan terhadap ubat berkenaan wajar dijalankan.

Setiap tahun, dianggarkan 16,000 orang di Britain berisiko menghidap kanser kepala dan leher.

Ketua Eksekutif Yayasan Kesihatan Pergigian Britain, Dr. Nigel Carter berkata: "Penggunaan aspirin dipercayai membantu menyekat pertumbuhan beberapa jenis kanser. Jika kaedah tersebut benar-benar berjaya untuk kanser mulut, ia boleh menjadi pemangkin untuk menjalankan lebih banyak kajian.

"Namun perlu diingatkan, pengambilan aspirin menjadi sia-sia jika orang ramai mengabaikan tentang bahaya merokok, alkohol dan amalan diet teruk kerana ketiga-tiga ancaman itu boleh menyebabkan kanser mulut," jelasnya. - AGENSI

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

HARI : SELASA

TARIKH : 2 APRIL 2013

Kanser kolon ancam wanita

Perlukan Wang Segera?
Pembiayaan Tunai-i OCBC Al-Amin Sedia Membantu Anda. Mohon Sekarang



Kanser kolon merupakan penyakit kedua paling banyak dihidapi wanita selepas kanser payu dara.

SELAIN dua simptom tersebut, wanita juga perlu peka dengan perubahan seperti buang air besar yang disertai darah, perubahan dalam corak pembuangan air besar seperti ada rasa tidak puas dan kesakitan di bahagian perut.

Fakta ini diberitahu oleh Pakar Perunding Kanan Gastroenterologi dari Kumpulan Pakar Perubatan Sime Darby, Datin Dr. Sharmila Sachitananadan, yang menjelaskan, di negara ini kanser kolon merupakan kanser nombor satu bagi lelaki dan nombor dua bagi wanita.

Biarpun nombor dua untuk wanita iaitu selepas kanser payu dara, ini merupakan satu penyakit yang semakin mengancam nyawa golongan tersebut.

Memang ini satu masalah besar, namun orang ramai masih belum begitu sedar mengenainya.

Perlu diberitahu kepada wanita bahawa kanser kolon adalah satu penyakit yang boleh diubati dan boleh dicegah.

Sebab itu saya amat menyarankan wanita yang berusia 50 tahun ke atas menjalani saringan secara berkala.

Kalau dilihat di negara maju, saringan awal penyakit ini berupaya menyelamatkan nyawa lebih 50 peratus wanita di Eropah," ujar Dr. Sharmila yang ditemui di Pusat Kanser Sime Darby Medical Centre, baru-baru ini.

Tambah beliau lagi, di Malaysia hanya kira-kira 10 peratus sahaja wanita menjalani saringan bagi mengesan kanser kolon.

Golongan wanita perlu sedar bahawa ketika usia mereka menginjak ke 40dan 50 tahun banyak perubahan yang berlaku dan jangan terlalu bersangka baik dengan mengatakan adalah sesuatu yang normal untuk mengalami ketidakselesaan pada usia tersebut.

Memang wanita sudah biasa menanggung pelbagai simptom kesakitan dan stigma pada wanita yang lebih risau kanser payu dara kanser servik mematikan pemikiran mereka bahawa mereka turut boleh terkena kanser kolon.

Selain itu, masih ramai beranggapan kanser ini hanya dihidapi oleh lelaki.

Berdasarkan kajian, saya mendapati 30 peratus wanita malu untuk mendapatkan rawatan, manakala 20 peratus lagi takut dan selebihnya tidak mempunyai maklumat secukupnya tentang penyakit ini," ujar beliau yang juga merupakan pensyarah perubatan.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

HARI : JUMAAT

TARIKH : 19 APRIL 2013

Mukjizat al-Quran penawar kanser

Oleh JUANI MUNIR ABU BAKAR
Gambar IZHAM JAAFAR

sempofy Are you ready? Click here to START

PERKONGSIAN pengalaman pesakit kanser dalam Seminar Perubatan al-Quran dan Rawatan Kanser telah menyedarkan peserta terhadap kepentingan perubatan Islam.

KITAB suci al-Quran mengandungi pelbagai rahsia tersirat selain memberikan pedoman daripada segi syariat untuk petunjuk kepada seluruh umat manusia. Hal ini termasuk daripada segi perundangan, politik, kewangan dan amalan kehidupan seharian.

Bahkan mukjizat al-Quran bukan sahaja dilihat daripada sudut syariat tetapi boleh menyembuhkan penyakit yang dihadapi oleh makhluk Allah yang bernama manusia.

Hal demikian dijelaskan menerusi firman Allah SWT dalam ayat 57 surah Yunus yang bermaksud: Hai manusia, sesungguhnya telah datang kepadamu pelajaran daripada Tuhan dan penyembuh bagi penyakit-penyakit yang berada dalam dada dan petunjuk serta rahmat bagi orang-orang beriman.

Sehubungan itu, bagi merungkai rahsia yang terdapat dalam al-Quran, Pusat Rawatan Islam al-Hidayah yang diusahakan bersama oleh pelakon Mohd. Ashraf Muslim dan tokoh perubatan Islam, Lokman Abdul Hamid, telah menganjurkan Seminar Perubatan al-Quran dan Rawatan Kanser di Universiti Malaya, baru-baru ini.

Objektif seminar itu untuk berkongsi dengan masyarakat berkenaan dengan penyakit kanser dan menjelaskan bagaimana mukjizat al-Quran berupaya membantu pesakit dalam merawat serta mencegahnya.

Selain itu, program sehari itu juga bertujuan berkongsi maklumat mengenai ayat-ayat al-Quran yang boleh diamalkan untuk menangani penyakit kanser dialami, selain memberi kesedaran kepada masyarakat agar mendekatkan diri kepada Allah.

Pada seminar berkenaan, buku tulisan Lokman selaku pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif Pusat Rawatan Islam al-Hidayah yang bertajuk Perubatan al-Quran dan Rawatan Kanser terbitan Must Read Sdn. Bhd. dijadikan intipati perbincangan.

Ketika ditemui, Lokman memberitahu cetusan idea untuk menulis buku tersebut bermula pada 2011 dengan matlamat mengumpul pengalaman dan kisah beliau bersama para pesakit penyakit kronik.

Ujar beliau, buku itu sebenarnya merupakan panduan kepada orang ramai untuk mencegah dan merawat penyakit kanser dengan berpandukan kepada ayat-ayat suci al-Quran dan doa-doa syifa daripada petikan hadis Rasulullah.

Lokman menjelaskan, setelah berada di pasaran pada awal tahun ini, sebanyak 5,000 cetakan pertama telah habis dijual. Hal ini telah memaksa pihak penerbit mencetak sebanyak 10,000 naskhah untuk kali kedua.

Bermula dari itu, kami di Pusat Rawatan Islam al-Hidayah mengadakan seminar seperti ini untuk berkongsi dengan masyarakat di luar selain mendedahkan bagaimana mukjizat al-Quran mampu merawat penyakit kanser.

Alhamdulillah dengan kerjasama pelbagai pihak termasuk Gabungan Persatuan Perubatan Islam (Gappima) seminar ini berjaya dilaksanakan," katanya.

AKHBAR : BORNEO POST

HARI : RABU

TARIKH : 9 OKTOBER 2013

Buah-buahan, sayur-sayuran mempunyai khasiat lawan kanser

KUCHING: Mungkin ramai yang lebih memilih untuk mengambil daging dan ikan serta memandang remeh pengambilan buah-buahan dan sayur-sayuran tanpa mengetahui khasiatnya untuk melawan kanser.

Risiko menghidap kanser sebenarnya dapat dikurangkan sekiranya seseorang individu mampu mengamalkan pemakanan yang sihat secara berterusan.

Menurut Setiausaha Persatuan Anti Kanser Malaysia Profesor Dr Andrew Tiong, khasiat daripada buah-buahan serta sayur-sayuran tidak harus dipandang ringan kerana ia mampu melawan ejen kanser berbanding pengambilan daging dan ikan.

"Amalan pemakanan perlu dijaga demi kesihatan diri.

"Malah saya sendiri tidak lagi makan ikan atau daging selama lebih 26 tahun dan hasilnya, meskipun sudah berumur 72 tahun, tetapi diri saya masih sihat dan cergas.

"Untuk mencegah kanser, anda boleh amalkan minum air jus 'COATS' iaitu karot, oren (limau), epal, tomato dan buah belimbing yang boleh diamalkan dalam tempoh jam 5 pagi hingga 7 malam," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Dr Tiong turut berkongsi antara minuman jus yang boleh diamalkan dalam tempoh jam 5 pagi hingga 7 malam adalah campuran buah-buahan COATS iaitu karot, oren, epal, tomato dan buah belimbing.

Manakala golongan wanita pula boleh mengamalkan minum jus buah nanas yang dicampur madu dan halia untuk mencegah barah payudara.

Beliau seterusnya menjelaskan, ikan mengandungi 12 gram asid urik manakala badan seseorang manusia hanya mampu menampung 4 gram manakala selebihnya akan menyumbang kepada ejen kanser.

"Antara makanan lain yang boleh dielakkan untuk diambil, khasnya bagi penyakit kanser adalah durian dan coklat, selain gula," katanya.

AKHBAR : BORNEO POST

HARI : KHAMIS

TARIKH : 5 DISEMBER 2013

Kesan kanser peringkat awal

KOTA SAMARAHAN: Kanser payu dara, paru-paru, kolorektal, hidung, limfoma, serviks dan prostat terus menjadi kebimbangan utama dalam kalangan rakyat negara ini.

Justeru, ini menuntut kesedaran tinggi orang ramai tentang pentingnya pencegahan atau pengesanan awal penyakit itu.

Menurut Timbalan Pengarah Perubatan Hospital Umum Sarawak (HUS) Dr Mohd Asri Riffin, sebanyak 12 peratus kematian yang dilaporkan di hospital kerajaan setiap tahun adalah akibat kanser.

"Kanser merupakan satu daripada lima punca utama kematian di Malaysia.

"Kerajaan telah membelanjakan RM100 juta untuk membeli ubat-ubatan bagi merawat pesakit kanser di hospital kerajaan dan menyediakan pelbagai kemudahan termasuk pusat rawatan terbaik untuk merawati penyakit itu.

"Namun, lebih penting ialah kita mengharapkan rakyat Malaysia mempunyai kesedaran yang tinggi dan pastikan menjalani pemeriksaan saringan bagi mengesan penyakit ini di peringkat awal," katanya.

Beliau menyatakan demikian ketika berucap pada Bengkel Cryoablation anjuran Jabatan Radiologi HUS di Pusat Jantung HUS di sini, semalam.

Turut hadir Perunding Kanan Radiologi HUS Dr Muadzam Mohamad, Ketua Jabatan Radiologi Institut Kanser Negara Dr Noraini Abd Rahim dan Pakar Radiologi Intervensional dari Amerika Syarikat Dr Jayson Brower.

Dalam pada itu, Dr Asri menjelaskan meskipun hakikatnya kanser merupakan penyakit yang boleh membawa maut, namun ia masih boleh dicegah dan sesetengahnya mampu disembuhkan melalui rawatan-rawatan yang khusus.

"Menurut kajian pakar, 30 sehingga 40 peratus kanser boleh dicegah dan satu pertiga kanser boleh dirawat melalui pendedahan awal tentang penyakit dan juga rawatan.

"Risiko kanser juga boleh dielakkan dengan berhenti daripada tabiat merokok, mengurangkan jumlah pengambilan alkohol, mengelak daripada terdedah kepada cahaya matahari yang terlampau, makan makanan yang sihat dan mengekalkan berat badan serta melindungi daripada jangkitan yang menyebabkan kanser," katanya.

Selain itu, beliau berkata, kesedaran rakyat untuk tampil menjalani pemeriksaan saringan juga adalah sedikit sedangkan di Malaysia mempunyai beberapa pusat rawatan kanser yang lengkap dan HUS adalah salah satu daripadanya.

Di HUS, Dr Asri berkata, ia mempunyai pakar dalam pelbagai bidang untuk menangani penyakit kanser misalnya Unit Endovaskular dan Intervensional Radiologi yang berkemampuan melakukan prosedur seperti rawatan paliatif 'chemo-embolisation' untuk kanser hati dan rawatan kuratif melalui 'hot ablation' menggunakan Radiofrequency Ablation (RFA) untuk kanser hati.

Tambah beliau, HUS sekarang juga menggunakan kaedah baharu 'cold ablation' menggunakan teknik 'cryoablation' (penyejukan) untuk membunuh sel-sel kanser.